

Baca maklumat di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Kejohanan Merentas Desa Sekolah Kebangsaan Taman Melawati



Hari	Rumah sukan	Masa
23 Julai 2022 (Sabtu)	Zamrud dan Delima	4.00 petang hingga 5.30 petang
24 Julai 2022 (Ahad)	Kristal dan Berlian	

Peringatan:

- Semua murid tahap dua diwajibkan hadir mengikut hari yang telah ditetapkan.
- Murid hendaklah memakai pakaian sukan yang lengkap dan selamat.
- Sebarang pertanyaan, boleh hubungi Encik Hassan (Setiausaha Sukan).

1 Sekiranya Azmi mempunyai sebarang kemusykilan tentang Kejohanan Merentas Desa Sekolah Kebangsaan Taman Melawati, dia boleh menghubungi _____

[1 markah]

2 Apakah ciri-ciri pakaian sukan yang lengkap dan selamat?

[3 markah]

3 Pada pendapat kamu, apakah objektif pelaksanaan Kejohanan Merentas Desa oleh Sekolah Kebangsaan Taman Melawati? **KBAT**

[3 markah]

Lihat jadual di bawah. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Jadual Kelas Pusat Tuisyen Perintis Didik

Hari	Jumaat		Sabtu	
Slot	1	2	1	2
Masa	8.00 – 9.00 (malam)	9.00 – 10.00 (malam)	4.00 – 5.00 (petang)	5.00 – 6.00 (petang)
Mata Pelajaran	Bahasa Melayu (Cik Dewi Mira)	Sains (Encik Adam)	Bahasa Inggeris (Encik Hafiz)	Matematik (Cik Norliza)

Catatan:

- Kelas tuisyen bermula dari Januari hingga Oktober 2022.
- Kerjasama menepati masa dapat melancarkan perjalanan kelas yang diadakan.

1 Siapakah tenaga pengajar bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris?

[1 markah]

2 Murid yang menepati masa akan

[2 markah]

3 Pada pendapat kamu, apakah kebaikan menghadiri kelas tuisyen? **KBAT**

[3 markah]

Lihat jadual di bawah. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Jadual Aktiviti Kem Pengakap

Waktu	Aktiviti
8.30 – 9.00 pagi	Taklimat kem
9.00 – 10.00 pagi	Mendirikan khemah
10.00 – 11.00 pagi	Aktiviti 1: 'Ice breaking'
11.00 pagi – 1.00 tengah hari	Aktiviti 2: 'Base System'
1.00 – 3.00 petang	Makan tengah hari/ Rehat
3.00 – 6.00 petang	Aktiviti 3: 'Camp Survival'
6.00 – 7.00 petang	Mandi/ Rehat
7.00 – 8.30 malam	Solat/ Makan malam
8.30 – 11.00 malam	Malam kebudayaan

Peringatan:

- Pendaftaran perlu selesai pada 8.30 pagi, 23 September 2022.
- Ibu bapa/ penjaga tidak dibenarkan berada di kawasan kem. Jika arahan ini dilanggar, ahli pengakap yang terlibat diminta meninggalkan kem.

1 Nyatakan aktiviti yang dilakukan pada waktu petang.

[2 markah]

2 Ahli pengakap yang terlibat diminta meninggalkan kem sekiranya

[1 markah]

3 Pada pendapat kamu, mengapakah ibu bapa atau penjaga tidak dibenarkan berada di kawasan kem? **KBAT**

[3 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Bahan 1

Aidil melihat ayahnya sedang membaca surat khabar di ruang tamu. Dia mendekati ayahnya. Dia ingin bertanyakan pendermaan organ. Kawan sekelas, Hani telah mendermakan hati kepada abangnya.

"Ayah, kawan saya telah mendermakan hati kepada abangnya. Saya berasa kagum dengan ikatan kasih sayang antara dia dengan abangnya. Sekiranya saya ingin berbuat sedemikian, boleh?"

"Boleh, Aidil. Mendermakan organ kepada orang yang memerlukan sangat mulia. Namun, sekiranya kamu ingin mengikut jejak langkah Hani, kamu mestilah mendapatkan kebenaran bertulis daripada ayah dan ibu dengan mengisi borang pendaftaran pengikrar. Hal ini demikian kerana umur kamu di bawah 18 tahun."

Bahan 2

Pendermaan organ terbahagi dua, iaitu pendermaan semasa hidup dan pendermaan selepas kematian. Organ yang boleh didermakan ialah jantung, hati, paru-paru dan buah pinggang. Manakala tisu yang boleh didermakan ialah mata, injap jantung dan tulang. Sesiapa sahaja boleh mendaftar menjadi pengikrar penderma organ dan tisu, kecuali individu yang menghidap penyakit berjangkit seperti HIV, AIDS, Hepatitis B dan C, atau siflis. Individu yang ingin mendermakan organ selepas kematian boleh mengisi borang pendaftaran pengikrar penderma organ. Borang ini boleh diperolehi di hospital kerajaan, jabatan kesihatan daerah, pusat kesihatan daerah atau memuat turun borang dari laman web Pusat Sumber Transplan Nasional.

(Dipetik dan diubah suai daripada rencana "Derma Organ Demi Kehidupan", Dewan Kosmik)

- 1 Aidil perlu mendapatkan kebenaran bertulis daripada ibu dan ayah dengan mengisi borang pendaftaran pengikrar jika ingin mendermakan organ kerana _____

[2 markah]

- 2 Apakah organ yang boleh didermakan?

[2 markah]

- 3 Siapakah yang tidak boleh mendermakan organ?